



Penguat Kuasa KPDNHEP Langkawi memeriksa pelitup muka tiga lapisan di sebuah kedai perkakasan yang dijual melebihi harga ditetapkan kerajaan di Kuah, Langkawi - Foto NSTP/Ihsan KPDNHEP

## Kena kompaun RM20,000 jual pelitup muka mahal

Oleh Hamzah Osman  
bhnews@bh.com.my

**LANGKAWI:** Pemilik sebuah kedai perkakasan di pekan Kuah di sini dikompaun RM20,000 selepas didapati menjual pelitup muka dengan harga RM1.80 sekeping.

Kesalahan itu dikesan sepasukan penguat kuasa Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Langkawi menerusi Pemeriksaan Khas Pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada jam 4.30 petang semalam.

Ketua Pejabat KPDNHEP Langkawi, Abdul Rafar Wahid, berkata sejumlah 2,859 keping pelitup muka tiga lapisan turut dirampas kerana dijual melebihi harga kawalan ditetapkan kerajaan iaitu RM1.50 sekeping.

"Tindakan diambil mengikut Seksyen 11, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 dan peniaga itu diberikan masa 14 hari untuk membayar kompaun.

"Peniaga diingatkan tidak mengambil kesempatan menaikkan harga jualan bagi tujuan mengaut keuntungan lebih terutamanya ketika PKPB ini," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, peniaga juga perlu mematuhi semua peraturan ditetapkan kementerian termasuk meletakkan label, tanda harga, menyenggara dan mempamer senarai harga serta mematuhi harga barang kawalan berjadual.

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/06/697482/kena-kompaun-rm20000-jual-pelitup-muka-mahal>

